

Lebih ketat pantau projek – Abdullah

UM-18/6/2006

KUALA TERENGGANU 17 Jun – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan kerajaan-kerajaan negeri melakukan penilaian dan pemantauan lebih ketat ke atas setiap projek kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, langkah tersebut akan memastikan semua projek kerajaan yang dilaksanakan dapat disiapkan mengikut jadual dan benar-benar memberi manfaat kepada golongan sasaran.

Katanya, perkara itu telah dimaklumkan oleh beliau kepada Menteri-Menteri Besar dan Ketua Menteri dalam mesyuarat yang diadakan di ibu negara, semalam.

“Pelaksanaan projek pembangunan seharusnya dibuat penelitian dengan melihat kesan-kesannya terhadap rakyat seiring dengan modal insan yang ingin dicapai oleh kerajaan.

“Sebagai contoh kalau kerajaan membina sesebuah sekolah, ia sebenarnya tidak boleh dikatakan siap selagi sekolah tersebut tidak dilengkapi kemudahan atau peralatan berkaitan.

“Yang penting apabila sesuatu projek siap, manfaatnya perlu dirasakan oleh rakyat dan inilah yang kita mahukan,” katanya semasa berucap menurut Konvensyen UMNO Negeri Terengganu di Primula Beach Resort, di sini hari ini.

Perdana Menteri juga meminta kerajaan negeri memastikan pembangunan yang berlaku turut mengambil kira golongan berpendapatan rendah seperti nelayan dan petani.

Beliau mengambil contoh mengenai masyarakat nelayan yang perlu dibantu agar mereka tidak terus dihindapi oleh kemiskinan.

Sehubungan itu, beliau mencabar kerajaan negeri Terengganu untuk mengangkat martabat masyarakat nelayan agar mereka tidak lagi dikaitkan sebagai golongan miskin.

“Selama ini masyarakat sering melabelkan nelayan sebagai miskin dan label miskin itu seharusnya dihapuskan bagi memastikan kehidupan mereka sama tinggi dengan golongan lain.

“Tingkatkan sumber pendapatan nelayan menerusi pelbagai program yang berkaitan, tambahkan kemudahan dan peralatan serta pendapatan sampingan lain,” katanya.

Perdana Menteri juga menggesa setiap lapisan rakyat terutama ahli UMNO di Terengganu menjadikan sejarah kekalahan parti itu dalam pilihan raya umum sebagai suatu pengajaran.

Katanya, kemenangan yang dimiliki perlu diperkukuhkan kerana dengan adanya sebuah kerajaan negeri yang kuat, sudah tentu banyak projek pembangunan dapat dilaksanakan.